

Headline	Dua kilang diserbu usik meter SESB		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	10
ArticleSize	159 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,720		



Dua kilang diserbu usik meter SESB

Kota Kinabalu: Dua kilang diserbu kerana disyaki melakukan pengusikan terhadap pemasangan meter milik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di premis berkenaan di Tuaran, kelmarin.

Serbuan menerusi Op Letrik dijalankan sepasukan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Sabah dan jurutera SESB.

Ketua JSJ Sabah, Senior Asisten Komisioner (SAC) Azmi Abd Ra-

him berkata, serbuan pertama membabitkan kilang sejuk beku di Jalan Sulaman Gayang, Tuaran, kira-kira jam 5 petang.

"Hasil pemeriksaan jurutera SESB mendapati terdapat pengusikan pemasangan meter yang menyebabkan bacaan meter milik SESB tidak tepat.

"Pihak jurutera SESB mengesahkan berlaku kecurian arus elektrik digunakan pada premis

berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Azmi berkata, susulan itu, seorang penjaga premis berkenaan lelaki berusia 28 tahun ditahan.

"Serbuan kedua di membabitkan premis yang menjalankan perniagaan berasaskan sumber laut di Kampung Batangan Baru, Jalan Gayang, Tuaran, jam 6.45 petang, hari yang sama.

"Pemeriksaan pada pemasangan

meter di premis itu oleh jurutera SESB mendapati turut terdapat pengusikan pada pemasangan meter yang menyebabkan bacaan meter milik SESB tidak tepat dan mengesahkan berlaku kecurian arus elektrik," katanya.

Menurutnya, penjaga premis lelaki berusia 47 tahun ditahan dan kedua-dua tangkapan dibawa ke pejabat JSJ Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tuaran untuk

siasatan lanjut.

"Pasukan serbuan turut merampas barang-barang yang digunakan untuk pengubahsuaian letrik di premis berkenaan.

"Akibat perbuatan dua kilang yang mengusik pemasangan meter ini menyebabkan SESB mengalami kerugian RM85,000.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 37(1) Akta Bekalan Elektrik 1990," katanya.